



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
BILANGAN 3 TAHUN 2024**

**DASAR KEMUDAHAN KOLEJ KEDIAMAN
DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BILANGAN 3 TAHUN 2024

DASAR KEMUDAHAN KOLEJ KEDIAMAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM

Dikelilingkan kepada:

1. Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
2. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan)
3. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
4. Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)
5. Pengarah Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
6. Ketua Eksekutif Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
7. Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
8. Ketua Pegawai Eksekutif Education Malaysia Global Services (EMGS)
9. Semua Naib Canselor dan Rektor Universiti Awam
10. Semua Setiausaha Bahagian KPT
11. Semua Yayasan di bawah KPT

TUJUAN

Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan semua Bahagian/ Jabatan/ Agensi di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta Universiti Awam (UA) dan Politeknik berhubung Dasar Kemudahan Kolej Kediaman di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA).

LATAR BELAKANG

2. Dalam beberapa Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) dan Mesyuarat Pasca Kabinet (MPK) KPT pada Mac dan April 2024, isu berkaitan kemudahan kolej kediaman pelajar telah dibincangkan dan terdapat keperluan untuk merangka penetapan dasar khusus berhubung kemudahan kolej kediaman pelajar yang dapat menjadi panduan IPTA.

3. Sebelum ini tiada penetapan dasar khusus berkaitan perkara tersebut. Dokumen rujukan sedia ada adalah dalam bentuk garis panduan sahaja seperti yang berikut:

- (i) Garis Panduan Pengurusan & Pembangunan Kemudahan Kolej Kediaman IPTA yang diterbitkan pada tahun 2012;
- (ii) Amalan Baik Pengurusan Ruang Institusi Pengajian Tinggi Awam yang diterbitkan pada tahun 2013; dan
- (iii) Buku Garis Panduan Pengurusan Kolej Kediaman Politeknik Malaysia yang diterbitkan pada tahun 2018.

4. Justeru, beberapa siri perbincangan dan bengkel telah diadakan bagi merangka penetapan dasar dengan penglibatan beberapa pihak iaitu Bahagian Dasar dan Penyelidikan, dan Bahagian Pembangunan, KPT; Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT); Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK); dan Majlis Perumahan Universiti Awam Malaysia (MAPUM).

5. Seterusnya, dasar ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPT pada 15 Mei 2024. Mesyuarat secara dasarnya bersetuju dengan cadangan Dasar Kemudahan Kolej Kediaman di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) seperti yang dibentangkan dengan mengambil kira pandangan dan ulasan ahli mesyuarat.

6. Selanjutnya, dasar ini telah dibentangkan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi (YBM PT) pada 26 September 2024. YBM PT secara dasarnya bersetuju dengan cadangan Dasar Kemudahan Kolej Kediaman di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) seperti yang dibentangkan.

ASAS-ASAS PERTIMBANGAN

7. Dasar kemudahan kolej kediaman pelajar IPTA diperlukan bagi membolehkan KPT membuat perancangan jangka masa panjang dengan lebih berkesan khususnya daripada aspek Perbelanjaan Pembangunan (DE). Keperluan pembangunan infrastruktur yang berkait langsung dengan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan penyelidikan seperti pembinaan makmal, bilik kuliah mahupun ruang *Makerspace* dan lain-lain perlu diberi penekanan dalam perancangan DE Kementerian pada masa akan datang.

8. Mengambil kira aspek sumber peruntukan kewangan yang terhad, KPT akan memberi keutamaan kepada projek-projek penyelenggaraan untuk meningkatkan kapasiti sedia ada dengan memastikan ketersediaan peruntukan yang diperlukan bagi melaksanakan perkara tersebut. Keutamaan peruntukan perlu diberikan kepada UA dan Politeknik yang mempunyai peratusan pelajar yang menginap dan peratusan kapasiti yang rendah.

9. Berdasarkan data sehingga 31 Disember 2023 bagi semua 20 UA, jumlah pelajar prasiswazah sepenuh masa yang menginap di kolej kediaman ialah seramai 288,241 orang berbanding jumlah enrolmen iaitu 504,417 orang. Jumlah ini mewakili 57% daripada keseluruhan pelajar prasiswazah sepenuh masa.

10. Enam (6) UA mencapai peratusan melebihi 70% bagi pelajar prasiswazah sepenuh masa yang menginap di kolej kediaman iaitu USM, UIAM, UUM, UNIMAS, UniMAP, dan UPNM. Manakala 10 UA lagi mencapai peratusan di bawah 50% iaitu UM, UKM, UMS, UPSI, USIM, UMT, UTHM, UTeM, UniSZA, dan UMK.

11. Jumlah ketersediaan kolej kediaman bagi semua UA sehingga 31 Disember 2023 ialah sebanyak 322,729 berbanding jumlah kapasiti yang ada iaitu 335,690. Peratus keseluruhan ketersediaan kolej kediaman ialah 96%.

12. 10 UA mencapai peratusan ketersediaan 100%, iaitu USM, UPM, UMS, UPSI, USIM, UTHM, UMPSA, UniSZA, UMK dan UPNM. Manakala tiga (3) UA mencapai peratusan ketersediaan di bawah 90%, iaitu UIAM, UNIMAS dan UTeM.

13. Peratus keseluruhan kapasiti kolej kediaman berbanding enrolmen pelajar prasiswazah sepenuh masa ialah 67%. Dua (2) UA mempunyai kapasiti melebihi 100%, iaitu UIAM dan UNIMAS. Manakala lima (5) UA mempunyai kapasiti kurang daripada 50%, iaitu UKM, USIM, UMT, UniSZA dan UMK.

14. Berdasarkan data sehingga 31 Disember 2023 bagi semua 32 Kampus UiTM, jumlah pelajar prasiswazah sepenuh masa yang menginap di kolej kediaman (kecuali di Kampus Kota Bharu yang tidak mempunyai kolej kediaman) ialah 103,591 orang berbanding jumlah enrolmen ialah 169,364 orang. Peratus keseluruhan pelajar prasiswazah sepenuh masa yang menginap di kolej kediaman ialah 61%.

15. 16 Kampus UiTM mencapai peratusan melebihi 70% bagi pelajar prasiswazah sepenuh masa yang menginap di kolej kediaman, iaitu KPP, KDL, KSG, KAG, KSI, KDN, KKT, KBB, KJA, KRB, KAU, KPPH, KBMPP, KTU, KSN dan KMH. Manakala lima (5) Kampus UiTM mencapai peratusan di bawah 50%, iaitu KSA, KSB, KBM, KS3 dan KSN2.

16. Jumlah ketersediaan kolej kediaman bagi semua Kampus UiTM sehingga 31 Disember 2023 ialah 114,246 berbanding jumlah kapasiti yang ada sebanyak 117,239. Peratus keseluruhan ketersediaan kolej kediaman ialah 97%.

17. 14 Kampus UiTM mencapai peratusan ketersediaan 100%, iaitu KSA, KPA, KSB, KJN, KSI, KTH, KKP, KRU, KKT, KBB, KRB, KSP, KKK dan KMH. Manakala tiga (3) Kampus UiTM mencapai peratusan ketersediaan di bawah 90%, iaitu KDL, KSG dan KTU.

18. Peratus keseluruhan kapasiti kolej kediaman berbanding enrolmen pelajar prasiswazah sepenuh masa ialah 69%. Lapan (8) Kampus UiTM mempunyai kapasiti melebihi 100%, iaitu KDL, KJA, KRB, KPPH, KBMPP, KTU, KSN dan KMH. Manakala tiga (3) Kampus UiTM mempunyai kapasiti kurang daripada 50%, iaitu KSA, KBM dan KS3.

19. Berdasarkan data sehingga 31 Mac 2024 bagi semua 36 Kampus Politeknik, jumlah pelajar prasiswazah sepenuh masa yang menginap di kolej kediaman (kecuali di PMK, PKT, PMKL, PMJB, PMKU, PMBS, PMTG dan PTSN yang tidak mempunyai kolej kediaman) ialah 33,301 orang berbanding jumlah enrolmen ialah 73,996 orang. Peratus keseluruhan pelajar prasiswazah sepenuh masa yang menginap di kolej kediaman ialah 45%.

20. Sembilan (9) Politeknik mencapai peratusan melebihi 70% bagi pelajar prasiswazah sepenuh masa yang menginap di kolej kediaman, iaitu PTSS, PMS, PMU, PJK, PBS, PHT, PBT, PBD dan PTS. Manakala 14 Politeknik mencapai peratusan di bawah 50%, iaitu PUO, POLISAS, POLIMAS, PKB, PKS, PPD, PKK, PSA, PIS, PSMZA, PMM, PSAS, PNS dan PSS.

21. Jumlah ketersediaan kolej kediaman bagi semua Politeknik sehingga 31 Mac 2024 ialah 42,121 berbanding jumlah kapasiti yang ada ialah 46,731. Peratus keseluruhan ketersediaan kolej kediaman ialah 90%.

22. Lapan (8) Politeknik mencapai peratusan ketersediaan 100%, iaitu PSAS, PTSB, PBU, PJK, PBS, PBT, PBD dan PTS. Manakala sembilan (9) Politeknik mencapai peratusan ketersediaan di bawah 90%, iaitu PPD, PKK, PSA, PIS, PSIS, PMS, PMU, PMJ dan PSS.

23. Peratus keseluruhan kapasiti kolej kediaman berbanding enrolmen pelajar prasiswazah sepenuh masa ialah 63%. Lima (5) Politeknik mempunyai kapasiti melebihi 100%, iaitu PMS, PJK, PBS, PBD dan PTS. Manakala empat (4) Politeknik mempunyai kapasiti kurang daripada 50%, iaitu POLIMAS, PSA, PMM dan PTSB.

24. Selain daripada meningkatkan ketersediaan kapasiti kemudahan kolej kediaman sedia ada, KPT juga perlu meneroka mekanisme pembiayaan alternatif bagi mengurangkan kebergantungan kepada DE. Dalam hal ini, IPTA perlu mengambil kira risiko yang mungkin timbul seperti sewaan PFI yang lebih tinggi dan isu-isu lain yang berkaitan. Oleh itu, KPT perlu memberikan penyelesaian model-model pembiayaan alternatif yang berkesan dan tidak berisiko tinggi.

PERNYATAAN DASAR

25. Dasar ini diwujudkan bagi memberi panduan berhubung penyediaan kemudahan kolej kediaman di Universiti Awam (UA) dan Politeknik supaya kapasiti dapat dioptimumkan menggunakan pelbagai mekanisme bagi memastikan kebajikan pelajar terurus dan kemampuan kewangan institusi dilestarikan.

26. Dalam hubungan ini, penyediaan kemudahan kolej kediaman disasarkan untuk mencapai sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah enrolmen pelajar prasiswazah sepenuh masa secara fizikal menjelang tahun 2035.

OBJEKTIF DASAR

27. Tiga (3) objektif yang ditetapkan bagi memenuhi aspirasi dasar ini, iaitu:

- (i) Mengoptimumkan kapasiti kemudahan kolej kediaman sedia ada supaya tahap ketersediaan berada pada tahap maksimum dengan huraian seperti berikut:
 - (a) KPT komited untuk memastikan semua kemudahan kolej kediaman diselenggarakan dengan sempurna untuk menjamin keselesaan dan keselamatan pelajar;
 - (b) KPT memberi keutamaan untuk mengoptimumkan kapasiti kemudahan kolej kediaman supaya tahap ketersediaan berada pada tahap yang maksimum dan dimanfaatkan sepenuhnya; dan
 - (c) KPT sentiasa menawarkan kemudahan kolej kediaman yang selesa dan kondusif kepada penghuni kolej.
- (ii) Melestarikan kemampanan kewangan IPTA melalui pelbagai model pembiayaan pembangunan dan pengurusan kemudahan kolej kediaman dengan huraian seperti berikut:
 - (a) KPT menggalakkan pendekatan strategik antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, koperasi dan syarikat swasta dalam pembangunan dan pengurusan kemudahan kolej kediaman;
 - (b) KPT menggalakkan usaha untuk meneroka pelbagai model pembiayaan pembangunan dan pengurusan kolej kediaman bagi menjamin kelestarian kewangan institusi; dan

- (c) KPT komited untuk memastikan institusi mengamalkan pengurusan kolej kediaman yang cekap dan telus supaya operasi berjalan lancar dan efisien.
- (iii) Memastikan kebajikan pelajar terurus dengan menyediakan kemudahan kolej kediaman yang mencukupi dengan huraian seperti berikut:
- (a) KPT menyasarkan penyediaan kemudahan kolej kediaman yang mencukupi kepada pelajar berdasarkan kepada nisbah yang ditetapkan;
 - (b) KPT memberi keutamaan kepada pelajar yang kurang berkemampuan dan berkeperluan untuk mendapat kemudahan kolej kediaman; dan
 - (c) KPT mempertanggungjawabkan pihak pengurusan kolej kediaman untuk memastikan kebajikan pelajar yang tinggal di kolej kediaman terurus.

KESIMPULAN

28. Penyediaan kemudahan kolej kediaman sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah enrolmen pelajar prasiswazah sepenuh masa secara fizikal menjelang tahun 2035 dapat dicapai melalui pelaksanaan pendekatan strategik yang telah dikenal pasti dan sinergi yang bersepadu oleh semua Bahagian/ Jabatan/ Agensi di KPT yang berkaitan serta Universiti Awam (UA) dan Politeknik dalam mendukung objektif dan aspirasi pelaksanaan dasar ini.

PEMAKAIAN

29. Surat Pekeliling ini hendaklah diguna pakai oleh semua Bahagian/ Jabatan/ Agensi di bawah KPT termasuk JPT, JPPKK, Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan agensi lain serta semua IPTA di bawah KPT.

TARIKH KUAT KUASA

30. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh ia ditandatangani.

PERTANYAAN

31. Sebarang pertanyaan mengenai dasar ini boleh dikemukakan kepada:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Penyelidikan
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 13, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya
No. Telefon: 03-88706335
E-mel: planning.bppd@mohe.gov.my

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SERI IR. DR. ZAINI BIN UJANG)

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi

22 November 2024

SENARAI NAMA UNIVERSITI AWAM (UA)

<u>Bil.</u>	<u>Nama Universiti</u>	<u>Singkatan</u>
1	Universiti Malaya	UM
2	Universiti Sains Malaysia	USM
3	Universiti Kebangsaan Malaysia	UKM
4	Universiti Putra Malaysia	UPM
5	Universiti Teknologi Malaysia	UTM
6	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	UIAM
7	Universiti Utara Malaysia	UUM
8	Universiti Malaysia Sarawak	UNIMAS
9	Universiti Malaysia Sabah	UMS
10	Universiti Pendidikan Sultan Idris	UPSI
11	Universiti Sains Islam Malaysia	USIM
12	Universiti Teknologi Mara	UiTM
13	Universiti Malaysia Terengganu	UMT
14	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	UTHM
15	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	UTeM
16	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah	UMPSA
17	Universiti Malaysia Perlis	UniMAP
18	Universiti Sultan Zainal Abidin	UniSZA
19	Universiti Malaysia Kelantan	UMK
20	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	UPNM

SENARAI NAMA KAMPUS UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

<u>Bil.</u>	<u>Nama Cawangan</u>	<u>Nama Kampus</u>	<u>Singkatan</u>
1	UiTM Shah Alam	Shah Alam	KSA
2	UiTM Selangor	Puncak Alam	KPA
		Puncak Perdana	KPP
		Dengkil	KDL
		Sungai Buloh	KSB
		Selayang	KSG
3	UiTM Melaka	Alor Gajah	KAG
		Jasin	KJN
		Bandaraya Melaka	KBM
4	UiTM Johor	Segamat	KST
		Pasir Gudang	KPG
5	UiTM Perak	Seri Iskandar	KSI
		Tapah	KTH
6	UiTM Negeri Sembilan	Kuala Pilah	KKP
		Seremban 3	KS3
		Rembau	KRU
7	UiTM Terengganu	Dungun	KDN
		Kuala Terengganu	KKT
		Bukit Besi	KBB
8	UiTM Pahang	Jengka	KJA
		Raub	KRB
9	UiTM Kelantan	Machang	KMG
		Kota Bharu	KKB
10	UiTM Kedah	Sungai Petani	KSP
11	UiTM Perlis	Arau	KAU
12	UiTM Pulau Pinang	Permatang Pauh	KPPH
		Bertam	KBMPP
13	UiTM Sabah	Kota Kinabalu	KKK
		Tawau	KTU
14	UiTM Sarawak	Samarahan	KSN
		Samarahan 2	KSN2
		Mukah	KMH

SENARAI NAMA POLITEKNIK

<u>Bil.</u>	<u>Nama Politeknik</u>	<u>Singkatan</u>
1	Politeknik Ungku Omar	PUO
2	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	POLISAS
3	Politeknik Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah	POLIMAS
4	Politeknik Kota Bharu	PKB
5	Politeknik Kuching Sarawak	PKS
6	Politeknik Port Dickson	PPD
7	Politeknik Kota Kinabalu	PKK
8	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	PSA
9	Politeknik Ibrahim Sultan	PIS
10	Politeknik Seberang Perai	PSP
11	Politeknik Melaka	PMK
12	Politeknik Kuala Terengganu	PKT
13	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin	PSMZA
14	Politeknik Merlimau Melaka	PMM
15	Politeknik Sultan Azlan Shah	PSAS
16	Politeknik Tunku Sultanah Bahiyah	PTSB
17	Politeknik Sultan Idris Shah	PSIS
18	Politeknik Tunku Syed Sirajuddin	PTSS
19	Politeknik Muadzam Shah	PMS
20	Politeknik Mukah Sarawak	PMU
21	Politeknik Balik Pulau	PBU
22	Politeknik Jeli Kelantan	PJK
23	Politeknik Nilai Negeri Sembilan	PNS
24	Politeknik Banting Selangor	PBS
25	Politeknik Mersing Johor	PMJ
26	Politeknik Hulu Terengganu	PHT
27	Politeknik Sandakan Sabah	PSS
28	Politeknik Metro Kuala Lumpur	PMKL
29	Politeknik Metro Johor Bahru	PMJB
30	Politeknik Metro Kuantan Pahang	PMKU
31	Politeknik Metro Betong Sarawak	PMBS
32	Politeknik Metro Tasik Gelugor	PMTG
33	Politeknik Tun Syed Nasir	PTSN
34	Politeknik Besut Terengganu	PBT

LAMPIRAN

<u>Bil.</u>	<u>Nama Politeknik</u>	<u>Singkatan</u>
35	Politeknik Bagan Datuk	PBD
36	Politeknik Tawau Sabah	PTS